

Ceroboh perairan pada bulan puasa

Maritim rampas bot, peralatan dan hasil laut bernilai RM3.5 juta

RAIHAM MOHD SANUSI

KEMAMAN

Kedatangan bulan Ramadan sekarang diambil kesempatan oleh nelayan asing untuk menceroboh perairan negara secara berleluasa kerana menyangka pasukan penguat kuasa mengurangkan tugas rondaan dan penguatkuasaan di laut.

Namun, sangkaan itu meleset kerana bulan puasa tidak membataskan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) untuk melakukan rondaan, malah tugas rondaan turut dipertingkatkan lagi hingga tertangkapnya empat buah bot Vietnam di perairan Kemaman kelmarin.

Penahanan empat buah bot itu pada kedudukan 120 batu nautika dari Kuala Kemaman membawa kepada rampasan bot, peralatan dan hasil laut berjumlah RM3.5 juta.

Ketua Zon Maritim Kemaman, Leftenan Komander Maritim Mohamad Rezal Kamal Bashah berkata, keempat-empat bot yang dinaiki 33 tekong dan awak-awak itu ditahan antara jam 7 pagi hingga 1.20 tengah hari kelmarin ketika sedang leka menangkap ikan.

"Mungkin mereka anggap bulan puasa penguat kuasa kepenatan di siang hari jadi tugas rondaan dikurangkan hingga mereka berani menceroboh dan menangkap ikan pada waktu siang.

"Tapi anggapan mereka itu silap sebab bulan puasa tidak jadi halangan untuk kita melakukan tugas bahkan rondaan dipergiatkan lagi sehingga kita berjaya menahan bot-bot nelayan asing ini dalam jumlah yang banyak sekali gus," katanya pada sidang media di jeti Pangkalan Maritim Kemaman, di sini, lewat petang semalam.

Mengulas lanjut mengenai tangkapan yang dilakukan itu, Mohamad Rezal berkata, tangkapan itu turut membongkar wujudnya kegiatan penjualan ikan eksotik hidup oleh nelayan Vietnam ke negara jiran, Thailand ekoran harga sirip



Mohamad Rezal menunjukkan ikan yu hidup yang dirampas dari sebuah daripada empat buah bot nelayan Vietnam yang ditangkap.

info

Empat buah bot ditahan pada kedudukan 120 batu nautika dari Kuala Kemaman membawa kepada rampasan bot, peralatan dan hasil laut berjumlah RM3.5 juta.

ikan eksotik itu terutama ikan yu mahal di pasaran.

Katanya, daripada empat bot yang ditahan itu terdapat satu bot bersaiz lebih kecil yang mempunyai kolam dilengkapi alat oksigen untuk menyimpan ikan hidup terdiri daripada spesies jerung iaitu yu dan yu berbintik.

"Ikan yu ini terkenal di negara jiran dan kalau ia dijual dalam keadaan hidup harganya lebih tinggi berbanding yang mati atau yang berkeadaan sejuk beku.

"Dianggarkan harga bagi sirip ikan yu hidup ini mencecah RM1,300 sekilogram di Thailand," katanya lagi.

Menurut beliau, hasil pemeriksaan yang dilakukan ke atas bot itu menemui lebih 20 ekor ikan yu hidup di dalam beberapa kolam oksigen.

Mohamad Rezal memberitahu, hasil pemeriksaan juga pihaknya berjaya menemui sebanyak 2.6 tan ikan campur-campur, dua tan ikan baja dan 3,700 liter minyak diesel daripada tiga lagi bot yang ditahan itu.

Katanya, empat buah bot itu pada awalnya ditahan pihaknya kerana berada dalam keadaan mencurigakan dan disyaki melakukan aktiviti tunda secara bergandingan.

"Bagaimanapun semasa menyedari kehadiran bot peronda Maritim Malaysia, bot nelayan asing

tersebut cuba melarikan diri dengan memecut laju ke perairan antarabangsa.

"Bot nelayan asing itu juga hampir melanggar bot peronda Maritim Malaysia tetapi berjaya dielak. Bot berkenaan berjaya ditahan lebih kurang setengah jam selepas dikejar bot peronda Maritim Malaysia," katanya.

Tambahnya lagi, kesemua 33 nelayan yang ditahan daripada keempat-empat bot itu berusia antara 18 hingga 59 tahun.

"Kesemua bot yang ditahan gagal mengemukakan sebarang lesen serta dokumen kebenaran untuk menangkap ikan di perairan Malaysia manakala tekong dan awak-awak juga tiada dokumen pengenalan diri," katanya.

Katanya, bot-bot berkenaan tiba di jeti Pangkalan Maritim Kemaman jam 4.30 petang semalam untuk disiasat di bawah Akta Perikanan 1985.

Jika sabit kesalahan kesemua bot boleh dirampas manakala tekong didenda RM1 juta dan awak-awak didenda sehingga RM500,000 seorang.



Sebahagian daripada 33 nelayan Vietnam yang ditahan.